


Siri Kaunseling

CABARAN BERSENDIRIAN *di abad ke-21*



CABARAN
BERSENDIRIAN
di abad ke-21



**WAWASAN
PENABUR**

Cabaran Bersendirian di Abad Ke-21

Implikasinya dan Respon Kita

Tajuk	: Cabaran Bersendirian di Abad Ke-21
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Steffisley Mosingki
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre (www.reconre.org). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anak-anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Cabaran Bersendirian Di Abad Ke-21

Implikasinya dan Respon Kita

Tetapi mereka yang belum berkahwin dan kepada wanita yang sudah menjadi balu, inilah nasihatku: Lebih baik kamu tetap hidup sendirian seperti aku. Tetapi jika kamu tidak dapat menahan nafsu, maka berkahwinlah. Lebih baik kamu berkahwin daripada nafsu berahi kamu berkobar-kobar.

(1 Korintus 7:8-9)

Pengikut-pengikut Yesus berkata kepada-Nya: "Jika demikian halnya dengan kehidupan suami isteri, lebih baik tidak berkahwin." Yesus menjawab: "Tidak semua orang dapat menerima ajaran ini, hanya mereka yang sudah dikurniائي oleh Allah kemampuan untuk menerimanya. Banyak sebabnya mengapa orang tidak berkahwin: Ada yang dilahirkan demikian, ada yang dijadikan mandul, dan ada pula yang tidak berkahwin supaya dapat mengabdikan diri kepada Allah. Biarlah orang yang sanggup menerima ajaran ini, berbuat demikian."

(Matius 19:10-12)

Implikasi Bersendirian

Sewaktu anda mendengar kata “bujang” atau “bersendirian”, apakah perkara pertama yang bermain di dalam fikiran anda? Bagi saya, imej yang timbul ialah seorang individu yang berumur di sekitar 30-an yang belum berkahwin. Sekiranya saya mempunyai rakan kenalan yang sudah lanjut 40-an dan mereka berusaha untuk dikenali sebagai bujang dan bersendirian yang gembira, wajah mereka turut timbul di fikiran saya. Mungkin kerana mereka berbicara mengenai kebujangan mereka dengan penuh ekspresi bebas.

Sebagai seorang yang pernah melalui zaman bujang dan kemudian hidup berumah-tangga, serta mempunyai ramai kenalan Kristian yang hidup membujang samada dengan gembira ataupun sebaliknya, saya ingin memberikan beberapa pemerhatian saya tentang siapakah yang kita maksudkan sebagai “bujang dan bersendirian”? Mereka adalah:


- Orang dewasa yang belum berkahwin
- Orang berumur yang belum berkahwin
- Duda/balu
- Ibu/bapa tunggal
- Pasangan yang sudah berpisah
- Pasangan yang telah bercerai

Untuk pemahaman perbincangan kita bersama, saya akan menggunakan istilah “bersendirian” dan kadang-kadang digabungkan dengan istilah “bujang”, kerana bukan orang bujang (yang kita fahami sebagai belum berkahwin) sahaja yang bersendirian.

1 Pemerhatian 1

Dalam masyarakat Malaysia hari ini, “gaya hidup bujang atau bersendirian” dilalui oleh kedua-dua golongan yang belum dan sudah berkahwin.

Ramai suami dan isteri kini yang memberikan pasangan mereka kebebasan untuk berfungsi seperti yang mereka inginkan asalkan ia tidak mengganggu kehidupan keluarga. Oleh kerana peningkatan kadar pendapatan dan kebolehan intelek serta daya pergerakan kaum wanita di Malaysia hari ini, ramai suami dan isteri yang membuat pilihan kerjaya dan kewangan sendiri tanpa terikat oleh pandangan pasangan mereka. Ramai yang menjurus kepada seperti hubungan rakan serumah semata-mata, sekiranya kesatuan fizikal tidak diambil kira. Tetapi bagi pasangan yang sudah berkahwin, perbezaan ketara yang mereka alami adalah komitmen seumur hidup bagi sebuah hubungan unik untuk menjaga satu sama yang lain ... “*hingga maut memisahkan kita*”. Komitmen inilah yang memegang sesebuah keluarga serta meneguhkan kepercayaan masyarakat. Mengapa tidak, bukankah keluarga ialah unit asas yang ditahbiskan oleh Allah bagi struktur sosial manusia?



2

Pemerhatian 2

Pada masa yang sama, ramai orang bujang atau yang bersendirian yang telah belajar untuk hidup di dalam komuniti-komuniti sihat seperti ahli-ahli keluarga dan sahabat-handai yang mengongsikan kemudahan dan persekutuan bersama.

Ramai yang telah belajar untuk berkongsi kesedihan dan kegembiraan bersama-sama... tanpa kaitan tanggungjawab untuk menjaga satu sama lain sehingga ajal tiba, atau menjaga anak-anak mereka untuk satu jangka masa yang panjang. Mereka tampak mampu berfungsi sebagai sebuah komuniti keluarga yang praktikal. Namun demikian, kadang-kadang timbul juga persoalan di kepala mereka sejauh manakah mereka mampu hidup bersama-sama.

3

Pemerhatian 3

Untuk hidup bersendirian di dalam masyarakat kita -- sama ada sebagai orang bujang yang belum berkahwin, duda/balu, berpisah mahupun bercerai; belum tentu secara seksual adalah selamat seperti yang difikirkan.

Dewasa ini, tekanan dalaman serta luaran untuk mencari teman intim dengan orang yang berlawanan atau sama jantina menjadi semakin kuat. Sekiranya hati kita berasa sedih mendengar pengakuan orang Kristian yang taat

kepada Tuhan mengamalkan gaya hidup homoseksual, apatah lagi hati Bapa kita yang di syurga. Apakah tidak ada jawapan lain bagi keperluan perhubungan tulus manusia selain daripada perkahwinan dan hidup berkeluarga? Walaupun amalan homoseksual tidak boleh diambil sebagai alasan bagi gantian gaya hidup kekeluargaan, kita boleh merasakan tangisan ramai orang yang dahagakan kasih sayang dan penerimaan. Ia timbul daripada keperluan sesama kita manusia yang berdosa untuk kasih kurnia Allah.

4 **Pemerhatian 4**

Kesepian dialami oleh kedua-dua golongan bujang dan yang telah berkahwin kecuali persekutuan Kristian dan persahabatan terjalin di dalam dan di luar rumah.

Ramai suami yang kian hari menjadi terlalu sibuk untuk meluangkan masa bersama keluarga mereka. Pada masa yang sama, ramai isteri yang terlalu sibuk untuk bersama dengan suami dan anak mereka. Perkahwinan tersebut tidak akan dapat menikmati keintiman melainkan mereka bekerja keras untuk hubungan mereka. Dengan cara yang sama, mereka yang bersendirian juga tidak akan menikmati kehadiran teman kecuali mereka belajar untuk membina perhubungan yang baik dengan rakan di sekeliling mereka. Kita mungkin tidak terfikir bahawa rumput di sebelah sana mungkin lebih hijau.

Apa Yang Gereja Lokal Boleh Lakukan?

Bukan semua orang bujang atau yang bersendirian di gereja memerlukan pertolongan pelayan istimewa walaupun pelayan sedemikian bertujuan untuk membuka peluang bagi mereka mendapat kenalan baru. Walau bagaimanapun, tanggapan tersebut hanya benar sekiranya komuniti gereja sudah berfungsi sebagai sebuah keluarga penyayang dengan bilangan rumah terbuka yang mencukupi bagi mereka yang kesepian, sama ada yang bujang mahupun bukan. Sekiranya tidak, pelayan sedemikian mungkin tidak diperlukan.

Gereja-gereja harus diajar untuk sedaya mungkin melibatkan orang-orang bujang di dalam keluarga-keluarga, termasuklah keluarga rohani. Namun begitu, orang-orang bujang harus turut memberi respon dengan memikul tanggungjawab untuk menjaga orang lain. Mereka harus menjaga orang lain seperti ahli keluarga mereka sendiri. Mereka tidak seharusnya menikmati penjagaan orang lain tanpa menyayangi mereka kembali dalam jangka masa yang panjang.¹

Sebagai contoh, sekiranya seorang bujang memiliki sumber untuk membantu mereka yang sakit, adakah dia akan menggunakannya untuk melayani orang tersebut meskipun dia bukan ahli keluarga kandungannya? Andai kata seseorang sedang mengalami kesempitan kewangan dan anda mampu untuk membantunya, adakah anda akan menghulurkan pertolongan ataupun berpura-pura tidak tahu kerana dia sudah berkeluarga? Begitu juga sebaliknya, adakah anda yang sudah berkahwin dan

memiliki sumber yang lebih daripada cukup akan mengongsikannya dengan insan yang sedang memerlukan, tanpa mengira adakah mereka bujang ataupun bukan?

Saya percaya bahawa Alkitab mengajar kita dan Yesus menunjukkan kita kebenaran kasih Allah dijangkakan untuk mengalir ke dua-dua hala di dalam komuniti-Nya. Kita harus menyayangi orang lain sama seperti Yesus menyayangi kita. Dia mengorbankan nyawa-Nya bagi kita. Dari Alkitab kita tahu bahawa Petrus sudah berkahwin dan menjaga ibu mertuanya (Matius 8:14,15), Yesus pula berkawan rapat dengan Marta, Maria dan Lazarus yang adalah keluarga orang yang masih bujang (Lukas 10:38-42). Sebenarnya, siapa ahli sesebuah keluarga tidaklah penting, asalkan mereka mengasihi satu sama yang lain bagi Kristus.

Aktiviti-aktiviti di dalam gereja harus lebih menyeluruh dan bukan hanya untuk persekutuan bagi orang-orang bujang atau yang bersendirian. Ini adalah kerana mereka memerlukan hidup komuniti yang lebih seimbang, dengan individu-individu dari pelbagai tingkat umur dan kedua-dua jenis jantina. Gereja yang menyokong atmosfera “kekeluargaan” seperti ini adalah lebih indah dan menyeluruh bagi mencerminkan keluarga milik Allah yang abadi.

Sama ada bujang ataupun telah berkahwin, kita semua memerlukan satu kehidupan berk komuniti, masa yang peribadi untuk bersendirian serta masa teduh bersama dengan Tuhan. Jadi orang bujang dan bersendirian tidak seharusnya berasa mereka telah mengganggu privasi

sebuah keluarga apabila mereka dijemput untuk menjadi sebahagian daripada keluarga Allah. Sebagai orang yang sudah berkahwin, saya merasa kadang-kadang orang bujang juga berfikir bahawa saya juga mengganggu mereka. Ini tidak sihat di dalam pandangan saya. Kita seharusnya saling menghormati dan menikmati kehadiran masing-masing. Dan kalau kita perlu bersendirian, kita boleh menarik diri tanpa mengaitkannya dengan isu orang bujang atau berkeluarga.

Beberapa Mitos Mengenai Hidup Bujang/Bersendirian²

Ada banyak tanggapan dan anggapan masyarakat terhadap mereka yang membujang, bersendirian, yang telah bercerai atau yang kematian pasangan hidup. Janda contohnya, mempunyai konotasi yang negatif dan serong dalam masyarakat kita. Tetapi di zaman Yesus, mereka adalah golongan yang perlu dilindungi oleh masyarakat. Mari kita lihat beberapa mitos tentang mereka yang hidup bujang atau bersendirian:



1. *Wanita yang merasa hasratnya terpenuhi adalah wanita yang mempunyai suami.*

Bagi orang Cina, mitos ini dipengaruhi oleh kepercayaan identiti seorang perempuan ditentukan oleh tugas dan peranannya sebagai anak perempuan, isteri dan ibu. Bagi orang India pula, ia disebabkan oleh status perempuan

yang dianggap sebagai pelayan suami di rumah. Saya masih ingat kejutan yang saya alami apabila salah seorang ahli persekutuan Bahasa Tamil gereja kami menjemput saya dan suami saya untuk makan tengahari di rumah mereka. Saya tertanya-tanya mengapa si isteri tidak duduk makan bersama. Dia memberitahu saya bahawa ia adalah adat bagi kaum mereka; isteri harus melayan suami dan tetamu. Dia akan hanya makan di dapur selepas suami dan tetamu mereka selesai makan! Saya yang baru kembali dari England ketika itu sangat terkejut. Namun saya tetap menghormati adat tersebut asalkan mereka mengamalkan rasa hormat di antara satu sama lain. Bagi si suami, kesempurnaan seorang wanita di dalam perkahwinan bermaksud pelayanan penuh kasih sayang terhadap keluarganya. Dan sebagai respon, keluarganya juga turut memberikan kasih dan hormat kepadanya. Berbanding dengan perkahwinan di Barat yang menurut saya sangat menitik-beratkan hubungan romantik bersama suami mereka.

Dengan cara yang sama, ramai wanita bujang yang merasa kehidupan mereka terpenuhi kerana mereka telah menjalinkan hubungan dengan saudara-saudari seiman di dalam Kristus melalui pemberian dan penerimaan hasil ikatan kekeluargaan di dalam-Nya.



2. *Kepuasan utama dan semula jadi bagi setiap wanita adalah menjadi seorang ibu.*

Secara umumnya, kaum perempuan mempunyai perasaan yang lebih sensitif daripada kaum lelaki. Oleh yang demikian, ramai wanita yang memerlukan perkongsian

perasaan tersebut. Namun mereka jarang mendapatkannya daripada lelaki, walaupun itu adalah suami mereka. Walau bagaimanapun, kanak-kanak memberi respon kepada perasaan mereka dengan lebih bebas. Sebab itulah ramai wanita yang menginginkan anak, walaupun bukan milik mereka sendiri kerana keperluan untuk sentuhan hati tersebut. Keinginan ini boleh dipenuhi bagi mereka yang bujang melalui kerjaya atau pelayanan kepada orang muda, atau menjadi guru-guru Sekolah Minggu di gereja.



3. *Orang bujang tertekan secara seksual dan lebih censerung untuk terlibat dalam kelakuan seks yang menyimpang.*

Realitinya kita sedar bahawa semua orang berhadapan dengan godaan seksual, tidak kira bujang, bersendirian ataupun yang sudah berkahwin.



4. *Semua masalah akan selesai jika mereka mendapatkan pasangan yang sesuai.*

Jika ini benar, maka tidak akan ada penyelesaian bagi kebanyakan masalah kerana "pasangan yang sesuai" tidak wujud. Setiap perkahwinan di antara dua insan yang tidak sempurna pasti berhadapan dengan pelbagai darjah ketidaksempurnaan.



5. *Perkahwinan adalah kehendak Allah bagi semua orang.*

Kenyataan ini tidak benar. Melalui pemerhatian serta apa yang didedahkan oleh Alkitab, Yesus sendiri adalah seorang bujang.




6. Semua orang yang memilih untuk membujang sebenarnya takut akan tanggungjawab.

Ini tidak benar. Lihatlah rasul Paulus dan ahli teologi John Stott, mereka berdua sangat berjaya di dalam melakukan yang terbaik bagi Tuhan walaupun mereka bujang dan tidak pernah berkahwin sepanjang hayat mereka.




7. Semua orang dewasa yang berstatus bujang atau yang bersendirian merasa kesepian.

Kesepian dialami oleh semua orang, tidak kira apa status perkahwinan mereka.



8. Orang bujang mementingkan diri sendiri.

(kita berharap mereka tidak terbaca yang ini!)



9. Orang bujang dan yang bersendirian biasanya sangat kaya.

"Kalaulah sahaja itu benar!", keluh mereka yang bujang! Sebenarnya kekayaan seseorang (bujang ataupun tidak) bergantung kepada sikap kesetiaan mereka terhadap pengurusan harta benda mereka.

Realiti Peningkatan Bilangan Orang Bujang Di Dalam Gereja

1. Gereja Tuhan di Malaysia tidak boleh menutup sebelah mata mengenai keperluan bilangan orang bujang atau yang bersendirian yang semakin meningkat. Pengasas dan Kepala Gereja Allah kekal membujang sehinggalah Dia mati disalib untuk kebaikan kerajaan Bapa-Nya. Dia pasti berasa kecewa sekiranya kita melupakan keperluan orang-orang bujang disebabkan terlalu sibuk menjaga keperluan golongan orang lain di dalam gereja. Perkara ini lebih ketara lagi di kawasan bandar kecuali jika perhatian khusus diberikan kepada mereka yang introvert dan kurang dinamik, contohnya pemimpin pujian dan ketua pelayanan pemuda-pemudi.
2. Untuk menjaga orang-orang bujang dan bersendirian di kalangan kita bukan bermaksud kita tidak menggalakkan mereka untuk berkahwin. Tetapi ia bermaksud kita menggalakkan orang untuk bertumbuh menjadi lebih matang dalam Kristus.
3. Melalui teladan Yesus di dalam dunia fana ini (yang sedang melalui satu proses penebusan), kedua-dua gaya hidup bujang dan berkahwin adalah sah di mata Tuhan. Status perkahwinan kita hanyalah sekadar perbezaan konteks di mana kita menjadi matang menyerupai Kristus.
4. Sebagai anak-anak Tuhan, orang bujang dan yang telah berkahwin sama-sama dikasihi oleh Allah. Dia

melengkapkan kedua-duanya untuk pelayanan di dalam kerajaan dan dunia-Nya. Oleh yang demikian, ia adalah sangat penting dan mendesak bagi gereja untuk menghargai serta melibatkan orang-orang bujang dan yang bersendirian di dalam pelayanan.

Teologi Hidup Membujang

Mari kita akan pertimbangkan pandangan Allah mengenai panggilan kepada hidup membujang. Kita harus mengingati bahawa:

- *Lelaki dan perempuan yang sudah berkahwin tidaklah lebih sempurna daripada mereka yang membujang.*
- *Tuhan Yesus Kristus kekal sebagai seorang lelaki bujang dan Dia sempurna keseluruhannya.*

Setiap orang dicipta untuk hidup bersama dengan orang lain, iaitu dengan semua manusia sejagat. Komuniti yang kita diami terdiri daripada golongan yang belum dan sudah berkahwin. Ada banyak komuniti orang Kristian, misalnya persekutuan pelajar mahupun kumpulan-kumpulan profesional Kristian, tidak dapat mewakili sebagai sebuah gereja. Ini adalah kerana mereka terdiri daripada golongan orang yang sama dan kadang-kala dianggotai oleh jantina yang sama sahaja. Mereka mungkin dapat memenuhi beberapa keperluan tertentu di dalam perjalanan hidup kita sebagai orang Kristian, tetapi untuk mengalami hidup komuniti yang menyeluruh, kita harus diintegrasikan ke dalam satu persekutuan gereja tempatan

yang terdiri daripada orang-orang bujang dan keluarga dari pelbagai latar belakang, umur dan status.

Di dalam Matius 19:10-12, Tuhan Yesus memberikan kita tiga sebab utama mengapa ada orang yang kekal membujang. Sekumpulan orang Farisi baru sahaja mempersoalkan hal perceraian kepada Yesus. Dia menjelaskan bahawa sejak dari awal, Allah menetapkan perkahwinan sebagai satu ikatan yang abadi di bumi. Tidak ada ruang bagi percubaan di dalam perkahwinan. Oleh kerana kekerasan hati manusialah Musa membenarkan perceraian untuk mengelakkan terjadinya penderaan dan pengabaian dalam rumah tangga. Yesus memberitahu mereka bahawa perceraian hanya dibenarkan di atas sebab-sebab ketidak-setiaan, bukan apabila seorang lelaki menginginkan perempuan yang lain.

Murid-murid Yesus yang mendengar penjelasan Yesus menjangkakan perkahwinan boleh membawa kepada pengalaman pahit dan bukan manis. Lalu mereka memberikan komen bahawa adalah lebih baik untuk tidak berkeluarga. Yesus kemudian mengambil peluang tersebut untuk menjelaskan sebab-sebab mengapa ada kaum lelaki dan perempuan yang tidak berkahwin.

Sama seperti perkahwinan, hidup membujang juga adalah sebuah pemberian dari Tuhan. Masing-masing harus dihargai seadanya. Potensi bagi kedua-duanya harus digunakan untuk Allah. Bagaimanapun, hidup membujang mampu memberikan lebih kebebasan di beberapa aspek jika dibandingkan dengan mereka yang sudah berkahwin. Antaranya ialah:

- Kebebasan menggunakan masa tanpa mempertimbangkan keperluan orang kedua.
- Kebebasan untuk memilih gaya hidup yang diinginkan, sama ada lebih ringkas ataupun sebaliknya.
- Kebebasan untuk memilih pelayanan tanpa perlu berasa risau akan keperluan keluarga, melainkan ibu bapa yang sudah berumur.
- Kebebasan untuk meluangkan masa bersama rakan kenalan dan sahabat handai melalui kaedah bersosial yang lebih fleksibel.
- Kebebasan untuk melayani Tuhan di dalam situasi yang memerlukan pengorbanan yang luar biasa yang biasanya menjadi satu dilema bagi mereka yang sudah berkeluarga.

Ingatlah

Teladan yang ditunjukkan oleh Daniel di Perjanjian Lama, dan Yesus serta Paulus di Perjanjian Baru, menunjukkan bahawa hidup membujang mampu memberikan kestabilan emosi dan sosial.

Kedua belas orang murid Yesus beserta ramai lagi rakan-rakan mereka terdiri daripada kedua-dua golongan orang bujang dan yang berkahwin.

Pelayanan Kepada Orang Bujang/ Bersendirian Di Gereja

1. Kaunseling

Kaunseling di antara rakan sebaya serta jantina yang sama kelihatan seperti pilihan yang paling bijak kecualilah jika ia dijalankan di dalam kumpulan-kumpulan yang kecil. Adalah sangat penting bagi kaunselor untuk mengetahui perlindungan di dalam persahabatan yang mampu mengubah bersama Tuhan. Jika tidak, mereka akan menjadi tongkat bagi satu sama lain dengan menjalinkan satu hubungan yang tidak sihat dan tidak ada orang yang bertanggungjawab ke atas mereka. Mungkin kita tidak sedar bahawa hubungan sama jenis (homoseksual dan lesbian) adalah sangat lumrah di gereja. Tindakan mengutuk mereka setelah ia terjadi tidak mendatangkan apa-apa kebaikan. Kita harus menjadi lebih aktif di dalam usaha mencegah dan pada masa yang sama memberikan saluran lain agar kasih Tuhan mampu mengalir dan menyembuhkan mereka.

Seorang pastor muda yang masih bujang memberitahu saya satu ketika dahulu para kaunselor harus lebih berhati-hati ketika membantu orang bujang yang bermasalah dalaman. Sekiranya mereka berasa ditolak oleh kaunselor, mereka sering tidak mempunyai 'bahu untuk dipinjam' apabila mereka kembali ke tempat masing-masing. Tetapi jika mereka tersalah pilih 'bahu untuk dipinjam' dalam meluahkan perasaan mereka akan menambahkan lagi masalah mereka.

Di dalam buku yang bertajuk "*Single Adult Ministry*"³, penulisnya menasihatkan:

- Nasihat yang diberikan haruslah berdasarkan Alkitab.
- Nasihat haruslah praktikal. Semua tugas harus mempunyai tujuan yang boleh diukur. Ini sangat penting bagi orang-orang bujang. Saya mendapati bahawa mereka harus mengambil tanggungjawab dengan lebih serius sekiranya mereka ingin mengalami perubahan di dalam hidup kerana mereka tidak mempunyai kewajiban untuk menjaga orang lain.
- Pihak yang dinasihati harus sanggup serta berusaha untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri menurut panduan yang diberikan. Ramai yang mencari bantuan kaunseling semata-mata untuk membina hubungan persahabatan.
- Hubungan kaunselor dengan Tuhannya juga harus bertumbuh.

2. Memahami Selibasi : Sebuah Kerelaan Untuk Kekal Membujang Seumur Hidup

Jika kita memandang selibasi (pembujangan seumur hidup) sebagai satu pemberian Tuhan, kita harus menerima kenyataan bahawa ia bukan sebuah pilihan untuk orang yang membujang tersebut. Ada seorang bujang yang memberitahu saya bahawa ia masih kekal sebuah misteri bagaimana dia boleh menjadi seorang pembujang. Kita harus mendorong golongan ini untuk menerima pandangan Allah ke atas mereka agar

mereka memperoleh tanggapan yang sihat mengenai personaliti mereka. Kita harus menerima dan menghormati pilihan mereka untuk kekal bujang sebagai sesuatu yang sah kerana ia adalah pendirian mereka demi kerajaan Allah. Yesus sendiri telah memilih jalan tersebut.

Dalam Matius 19:11&12, Yesus menyatakan ada dua sebab lain mengapa ada individu yang kekal membujang: mereka dilahirkan dengan kekurangan sehingga tidak boleh berkahwin dan menghadapi masalah kemandulan (iaitu mereka mungkin tidak mempunyai organ seksual yang normal), ataupun mereka diperlakukan sedemikian oleh orang lain (contohnya luka dalaman yang disebabkan penderaan seksual).

Ramai di antara kita yang mungkin terlupa bahawa sebagai seorang manusia lelaki, Tuhan Yesus juga mempunyai hormon androgen. Pasti bukan mudah bagi Dia dan sepupu-Nya Yohanes untuk kekal membujang selama 30 tahun tanpa dibebankan dengan soalan-soalan daripada rakan dan keluarga. Mereka mungkin terpaksa bergumul dengan perasaan ditimpa kegagalan, kekecewaan, rasa tidak puas hati, tanpa dorongan orang tua, pasangan dan anak-anak. Ada di antara mereka yang risau mereka akan mati keseorangan, walaupun kenyatannya ialah tidak ada orang lain yang boleh mati di tempat kita. Kita harus berdepan dengan kematian sendirian sebagai seorang manusia biasa. Sebagai anak-anak Tuhan, kita tahu Dia beserta kita.

Jadi salah satu pelayanan bagi gereja ialah untuk memastikan setiap individu yang bersendirian, sama ada duda, balu, atau mereka yang tidak pernah berkahwin, dikasihi dan dijaga ketika hari tua supaya mereka dapat memasuki hadirat Allah dengan penuh sukacita! Mungkin orang-orang bujang boleh berusaha untuk hidup di dalam komuniti apabila mereka mencecah umur 40an.

Namun begitu, kita semua harus belajar untuk bersendirian dengan Tuhan serta menjadi selesa mengenainya kerana bukannya Dia adalah satu-satunya yang tidak pernah meninggalkan kita?

Kesimpulan

Walaupun mereka berkata mereka memilih untuk hidup membujang, orang-orang bujang di Malaysia lebih cenderung memilih untuk berkahwin apabila peluang tiba. Mereka kelihatan seperti merasakan adanya perlindungan serta rasa dimiliki di dalam perkahwinan. Walau bagaimanapun, hanya Tuhan sahaja yang mampu memberikan jawapan kepada semua masalah kita kerana Dia Maha Kuasa. Hanya Dia yang boleh memberikan kita 100% kepuasan emosi.

Oleh yang demikian, sebagai anak-anak yang dikasihi-Nya, sewaktu kita mengelaskan individu kepada golongan-golongan seperti bujang, berkahwin dan sebagainya; persembahan, penerimaan satu dengan yang lain, pelayanan, perayaan serta kebaktian kepada Kristus,

secara muktamad harus diluahkan sebagai sebuah komuniti umat Allah. Dengan cara itu sahaja kita mampu untuk menjadi seperti yang Tuhan inginkan: bersatu dengan sesama, dan dengan Tuhan. Apabila finale terbesar tiba, iaitu sewaktu Tuhan Yesus kembali di awangan, kita semua akan bersama-sama menjadi pengantin-Nya. Bersama-sama kita akan mencerminkan komuniti Tritunggal, sebagai komuniti lelaki dan perempuan, sama ada bujang mahupun berkahwin! Ia adalah sebuah kepuasan yang sempurna!



Renungan

1. Apakah pandangan saya mengenai hidup membujang di dalam Kristus?
2. Bagaimanakah Allah melihat dan membesarkan anak-anak-Nya yang bujang?
3. Adakah rumah saya mempunyai ruang bagi rakan-rakan yang masih bujang?

Rujukan

- 1 Lee Bee Teik, *Building A Love House is Hard Work* (MCARE, 1996)
- 2 C.A. Koons, *Single Adult Passage: Unchartered Territories* (Michigan Baker House, 1991)
- 3 Jerry Jones, *Single Adult Ministry* (Colorado, Navpress, 1991)

**“Didiklah orang muda
menurut jalan yang patut baginya,
maka pada masa tuanya pun
dia tidak akan menyimpang
daripada jalan itu”.**
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

